

04 JUL 1996

PEMAJU PROJEK TAMBAK LAUT MELAKA DIARAH MULAKAN KERJA

MELAKA, 4 Julai (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka akan membatalkan kelulusan projek tambak laut yang diberikan jika syarikat yang mendapat kelulusan itu gagal memulakan projek selepas diberikan tempoh tertentu.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata, sehingga sekarang hanya satu daripada 15 syarikat yang mendapat kelulusan itu telah melaksanakan projeknya, katanya kepada pemberita selepas membuat lawatan kerja ke tapak projek tambak laut Pulau Melaka di pantai Bandar Hilir di sini, hari ini.

Projek pembangunan membabitkan penambahan dua buah pulau buatan seluas kira-kira 90 hektar itu dijalankan oleh Inno Enhance Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Larut dan Talam Corporation.

Mohd Zin berkata kerajaan negeri akan memberikan notis kepada 14 syarikat terbabit dan jika mereka gagal memberikan alasan munasabah, kelulusan projek akan ditarik balik dan diberikan kepada syarikat lain yang mempunyai keupayaan.

"Kita tidak mahu syarikat yang mendapat kelulusan projek tambak laut sengaja melengahkan projek untuk mengaut keuntungan secara spekulasi dan menjual projek,"

Ketua Menteri berkata baki 14 projek itu membabitkan penambahan kawasan seluas 1,200 hektar.

Mohd Zin berkata kerajaan negeri boleh menerima jika alasan kelewatan berpunca daripada proses mendapatkan kelulusan Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA).

Beliau berkata kelewatan pelaksanaan projek-projek itu akan menjejaskan perancangan pembangunan di kawasan sekitar dan usaha untuk membantu penduduk dan nelayan yang terjejas kerana projek tambak laut.

Kerajaan negeri telah meluluskan penubuhan tabung bantuan bagi penduduk dan nelayan yang terjejas akibat projek tambak laut dan hanya Inno Enhance Sdn Bhd yang telah menyumbang, katanya.

Tabung bantuan sebanyak RM1 juta itu akan digunakan bagi menyalurkan projek dan bantuan kepada masyarakat dan nelayan yang perlu berpindah atau mata pencarian mereka terjejas, katanya.

Mengenai projek Pulau Melaka, Mohd Zin berkata beliau berpuashati dengan pelaksanaan kerja yang berjalan lebih awal daripada jadual. Pulau pertama seluas 40 hektar telah siap 30 peratus.

Pejabat Tanah dan Galian negeri telah diarahkan supaya mempercepatkan proses menyediakan hak milik kepada pemilik projek itu untuk membolehkan pembangunannya dipercepatkan.

Pembangunan Pulau Melaka yang dijangka menelan kos RM2 ribu juta akan membabitkan pembinaan kondominium, kompleks komersil, marina, banglo mewah, taman tema dan kompleks kebudayaan.

Dua buah jambatan sepanjang kira-kira 350 meter akan menghubungkan pulau-pulau itu dengan bandar Melaka.

Projek yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada April lalu itu dijangka siap dalam masa 10 tahun. -- BERNAMA

MOZ PR